

**PERUBAHAN PELAKSANAAN AMALAN ADAT  
*SOGIT* DALAM KALANGAN MASYARAKAT  
DUSUN TINDAL DI KOTA BELUD, SABAH  
(1881-2020)**



**MONICA DEON LIM**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**PERUBAHAN PELAKSANAAN AMALAN ADAT  
*SOGIT* DALAM KALANGAN MASYARAKAT  
DUSUN TINDAL DI KOTA BELUD, SABAH  
(1881-2020)**

**MONICA DEON LIM**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk *Perubahan Pelaksanaan Amalan Adat Sogit Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud, Sabah (1881-2020)* ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

09 Ogos 2022



Monica Deon Lim

BA19110651



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN


NAMA : **MONICA DEON LIM**

NO. MATRIKS : **BA19110651**

TAJUK : **PERUBAHAN PELAKSANAAN AMALAN ADAT *SOGIT* DALAM KALANGAN MASYARAKAT DUSUN TINDAL DI KOTA BELUD, SABAH (1881-2020)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA**

BIDANG : **SEJARAH**

  
**1. PENYELIA**  
Dr. Zainuddin Baco

**DIPERAKUI OLEH**

**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan tugas latihan ilmiah ini walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesukaran sepanjang proses penulisan latihan ilmiah ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih ingin saya ucapkan kepada penyelia latihan ilmiah saya, Dr. Zainuddin Baco kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya telah membantu saya sepanjang proses untuk menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini dan saya dapat menyiapkan tugas pada masa yang telah ditetapkan, Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah program sejarah yang secara tidak langsung telah banyak memberikan bimbingan dan sokongan moral untuk menyiapkan tugas latihan ilmiah ini.

Jutaan terima kasih juga saya ingin ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberikan nasihat yang berguna untuk saya terus bersemangat sehingga saya dapat menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada mereka yang terlibat sebagai informan dalam memberi maklumat dalam mengumpul data kajian dan saya juga dapat menambah mengetahui dan banyak maklumat baru yang telah saya perolehi.

Tidak lupa juga, kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama sepanjang tiga tahun dalam pengajian yang banyak memberi pertolongan dalam apa juga perkara. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang saya menyiapkan tugas penulisan latihan ilmiah ini.

MONICA DEON LIM

## ABSTRAK

Adat *sogit* merupakan suatu amalan tradisional turun temurun daripada amalan nenek moyang terdahulu yang berkait rapat dengan adat resam dan pantang larang masyarakat Kadazandusun di Sabah. Amalan adat *sogit* sangat sinonim dengan kehidupan masyarakat Kadazandusun khususnya masyarakat Dusun Tindal di kampung Tempasuk 1, Kota Belud kerana setiap pelanggaran adat dan pantang larang akan dikenakan denda adat *sogit* mengikut kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Kajian ini akan mendalami berkaitan tentang sejarah dan latar belakang, jenis-jenis amalan adat *sogit* dalam konteks masyarakat Dusun Tindal di kampung Tempasuk 1 dan seperti yang diketahui pelaksanaan amalan adat *sogit* dikatakan berbeza mengikut etnik, kawasan kampung dan daerah. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual dalam mendapatkan data dan maklumat daripada sumber primer dan sumber sekunder. Pelaksanaan amalan adat *sogit* telah membawa kepada banyak perubahan yang boleh dilihat daripada pelaksanaan amalan yang berbeza pada zaman dahulu dan pada masa kini. Walaubagaimanapun, amalan adat *sogit* sering dipandang remeh dan kurang dipraktikkan terutamanya oleh generasi muda kerana pengamalan adat *sogit* yang dianggap tidak relevan. Oleh itu perubahan yang berlaku adalah untuk disesuaikan dengan keadaan semasa dan diseimbangkan dengan undang-undang negara dan perubahan pelaksanaan amalan adat *sogit* yang disebabkan oleh beberapa faktor iaitu seperti kedatangan agama, mahupun sikap dan pemikiran masyarakat Dusun Tindal itu sendiri dan juga disebabkan adanya undang-undang negara.

**Kata Kunci:** Adat *Sogit*, Dusun Tindal, Adat Resam, Pantang Larang

## **ABSTRACT**

### ***CHANGES IN THE IMPLEMENTATION OF SOGIT CUSTOMS AMONG THE COMMUNITY OF DUSUN TINDAL IN KOTA BELUD, SABAH (1881-2020)***

*The sogit custom is a traditional practice passed down from generation to generation from the practice of our ancestors which is closely related to the customs and taboos of the Kadazandusun community in Sabah. The practice of sogit custom is very synonymous with the life of the Kadazandusun community, especially the community of Dusun Tindal in Tempasuk 1 village, Kota Belud because every violation of customs and taboos will be subject to a sogit custom fine according to the type of offense committed. This study will delve into the history and background, the types of traditional Sogit practices in the context of Dusun Tindal community in Tempasuk 1 village and as is known the implementation of sogit traditional practices is said to vary according to ethnicity, village area and district. Through this study, the researcher has used a qualitative approach with library methods and interview methods in obtaining data and information from primary and secondary sources. The implementation of sogit customs has led to many changes that can be seen from the implementation of different practices in the past and in the present. However, the practice of sogit customs is often underestimated and less practiced especially by the younger generation because the practice of sogit customs is considered irrelevant. Therefore, the changes that take place are to be adapted to the current situation and balanced with the laws of the country and changes in the implementation of sogit customs that are caused by several factors such as the arrival of religion, as well as the attitudes and thoughts of the Dusun Tindal community itself and also due to the existence of laws country.*

**Keywords:** *Sogit Customs, Dusun Tindal, Customs, Taboo*

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI FOTO</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI PETA</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Sorotan Literatur Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Metodologi Kajian	16
1.8 Pembahagian Bab	17
1.9 Kesimpulan	19
<b>BAB 2 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG AMALAN ADAT <i>SOGIT</i> DALAM KALANGAN MASYARAKAT DUSUN TINDAL DI KOTA BELUD</b>	<b>21</b>
2.1 Pengenalan	21
2.2 Sejarah dan Latar Belakang Amalan Adat Tradisional	21
2.3 Sejarah dan Latar Belakang Amalan Adat <i>Sogit</i>	23



2.4	Penerimaan Adat <i>Sogit</i> Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Tindal Kota Belud, Sabah	30
2.5	Pengaruh Agama Dalam Amalan Adat Istiadat Kadazandusun	32
2.6	Adat <i>Sogit</i> Dalam Undang-Undang Mahkamah Anak Negeri	35
2.7	Kesimpulan	38

**BAB 3 JENIS-JENIS AMALAN ADAT *SOGIT* DALAM KONTEKS MASYARAKAT DUSUN TINDAL DI KAMPUNG TEMPASUK 1, KOTA BELUD, SABAH (1881-2020)** **39**

3.1	Pengenalan	39
3.2	Jenis-Jenis Adat <i>Sogit</i> Dalam Masyarakat Konteks Dusun Tindal Kampung Tempasuk 1, Kota Belud	39
3.3	Perkahwinan	40
	3.3.1 <i>Sogit</i> Pitas	41
	3.3.2 <i>Sogit</i> Kepanasan	43
	3.3.3 Adat <i>Ketigahan</i>	44
	3.3.4 Adat <i>Tadung</i>	44
3.4	Pertunangan	45
	3.4.1 Adat Lapau Tunang	46
3.5	Penceraian	46
	3.5.1 Adat Lapau Curang	47
3.6	Kematian	48
3.7	Lain-Lain Jenis Adat <i>Sogit</i> Dalam Masyarakat Dusun Tindal	49
	3.7.1 <i>Sogit</i> Babas	51
	3.7.2 <i>Sogit</i> Sumbang	51
	3.7.3 Adat <i>Kosup</i>	53
3.8	Kesimpulan	54

**BAB 4 MENGANALISIS PERUBAHAN PELAKSANAAN AMALAN ADAT *SOGIT* DALAM KALANGAN MASYARAKAT DUSUN TINDAL DI KAMPUNG TEMPASUK 1, KOTA BELUD, SABAH (1881-2020)** **55**

4.1	Pengenalan	55
-----	------------	----

4.2	Perubahan Pelaksanaan Amalan Adat <i>Sogit</i> Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Tindal di Kampung Tempasuk 1	56
4.2.1	Upacara Pelaksanaan Amalan Adat <i>Sogit</i>	56
4.2.2	Bentuk Denda Adat <i>Sogit</i>	59
4.2.3	Pihak Yang Terlibat Dalam Pelaksanaan Amalan Adat <i>Sogit</i>	62
4.2.4	Jenis Adat <i>Sogit</i> Yang Mengalami Perubahan	64
4.3	Faktor Perubahan Pelaksanaan Amalan Adat <i>Sogit</i>	64
4.3.1	Agama	65
4.3.2	Pemikiran/Pendidikan	66
4.3.3	Undang-Undang	67
4.4	Kesan Perubahan Pelaksanaan Amalan Adat <i>Sogit</i>	69
4.5	Kesimpulan	71
<b>BAB 5 RUMUSAN</b>		<b>72</b>
5.1	Pengenalan	72
5.2	Sejarah Dan Latar Belakang Amalan Adat <i>Sogit</i> Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud	72
5.3	Jenis-Jenis Amalan Adat <i>Sogit</i> Dalam Konteks Masyarakat Dusun Tindal Di Kampung Tempasuk 1, Kota Belud	73
5.4	Perubahan Pelaksanaan Amalan Adat <i>Sogit</i> Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Tindal Di Kampung Tempasuk 1, Kota Belud	75
5.5	Kesimpulan	76
<b>SENARAI RUJUKAN</b>		<b>78</b>
<b>LAMPIRAN A</b>		<b>82</b>

## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 4.1: Bobolian Wanita Dusun Kota Belud	58
Foto 4.2: Upacara Ritual Yang Diketuai Oleh Bobolian	59



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI PETA

Halaman

Peta 1.1: Lokasi Daerah Kota Belud

14



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

EMAN	Enakmen Mahkamah Anak Negeri
MAN	Mahkamah Anak Negeri
SBBUB	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

Foto A.1      Temubual Bersama Encik Paintis Bin Simon. 56 Tahun.

Foto A.2      Temubual Bersama Puan Sinioi Dorkas. 75 Tahun.

Foto A.3      Temubual Bersama Puan Saudi Binti Onong. 82 Tahun.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Setiap masyarakat di Sabah mempunyai amalan tradisional yang tersendiri yang diamalkan dalam kehidupan seharian mereka iaitu seperti amalan adat istiadat dan pantang larang. Tidak dinafikan, terdapat banyak adat yang masih dipraktikkan di Malaysia. Setiap masyarakat tidak akan lari daripada mengamalkan amalan adat istiadat yang diamalkan daripada nenek moyang lagi dan memperlihatkan bahawa adat amat sinonim dalam kehidupan seharian masyarakat seperti dalam upacara perkahwinan, pertunangan, kelahiran mahupun kematian terdapat pelbagai adat istiadat yang diamalkan dan diikuti oleh setiap kaum mahupun bangsa dan setiap kaum dan bangsa mempunyai cara amalan dan pelaksanaan adat tradisional yang berbeza. Amalan merupakan sesuatu perkara yang telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian dan sentiasa dilakukan dan diikuti dalam menjalani kehidupan yang lebih baik dan tenang. Adat juga dikatakan merupakan sesuatu perkara mahupun amalan yang mampu mengatur rukun hidup masyarakat namun setiap adat yang diamalkan terikat dengan undang-undang yang telah ditetapkan.<sup>1</sup> Hal ini demikian memperlihatkan bahawa adat tidak boleh melebihi batas sesuatu perkara yang bertentangan dengan undang-undang mahupun sesuatu adat yang diamalkan tidak boleh disalahgunakan ke arah keburukan. Setiap perkara yang diamalkan harus selaras dengan undang-undang negara dengan ini adat istiadat itu sentiasa relevan dan boleh diguna pakai dalam kehidupan masyarakat pada masa kini dan akan datang.

---

<sup>1</sup> Tuan Haji Mohd. Razalee bin Goroh, *Titian Adat Istiadat Kaum Dusun/Kadazan Kota Belud*, Kota Kinabalu: Muzium Sabah, 1982, hlm. 19.

Secara umumnya, adat ditakrifkan sebagai peraturan yang telah diamalkan sejak turun-temurun dalam sesebuah masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Adat resam dan pantang larang juga mempunyai kelainan daripada aspek upacara, yang diamalkan oleh setiap sub-etnik dalam kaum Kadazandusun. Terdapat banyak subetnik dalam Kadazandusun seperti Dusun Tindal, Dusun Lotud, Kadazan, Rungus, Murut dan pelbagai lagi. Adat yang diamalkan memperlihatkan kepada identiti sesuatu kaum tersebut dan keunikan yang membezakan setiap kaum terutamanya di Sabah yang mempunyai pelbagai kaum mahupun rumpun. Jika diperhatikan kaum Kadazandusun terdiri daripada pelbagai sub-etnik dan setiap sub-etnik ini mempunyai persamaan yang jelas namun terdapat perbezaan mengikut kawasan, daerah mahupun kampung. Perbezaan yang dilihat memperlihatkan bahawa setiap sub-etnik dalam Kadazandusun mempunyai keunikan dan identiti yang tersendiri seperti perbezaan daripada segi pakaian, bahasa dan juga dalam amalan adat istiadat.

Negeri di bawah bayu, Sabah, misalnya, terkenal dengan adat *sogit* yang kekal subur pada hari ini dalam kehidupan masyarakat terutamanya dalam kalangan masyarakat kaum Kadazandusun. Terdapat beberapa teori dan istilah perkataan 'Kadazan' dan 'Dusun' dari segi asal usul.<sup>2</sup> Istilah 'orang Dusun' dikatakan mula digunakan oleh orang Inggeris dan Melayu dan mengatakan bahawa kaum atau orang Dusun tinggal di antara persisiran pantai dan pedalaman.<sup>3</sup> Terdapat juga pendapat yang mengaitkannya dengan satu kumpulan imigran orang Cina, iaitu Lo-Sun yang tiba di negeri Sabah sekitar abad ke-14. Istilah perkataan 'Kadazan' pula lewat digunakan yang mana penggunaan perkataan 'Kadazan' sering kali dikaitkan dengan bentuk perniagaan, iaitu 'tamu' yang wujud 1800 tahun dahulu.<sup>4</sup> Dusun Tindal adalah terdiri daripada dua frasa perkataan iaitu Dusun yang merujuk kaum ataupun bangsa kaum itu sendiri. 'Tindal' membawa makna darat mahupun bukit dan jika digabungkan Dusun Tindal adalah dikenali sebagai orang Darat atau orang

---

<sup>2</sup> Suraya Sintang, Penganutan Agama Islam Dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun Di Sabah, *Jurnal Usuluddin*, Bil 18, 2003, hlm. 60.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 61.

<sup>4</sup> *Ibid.*



bukit.<sup>5</sup> Dusun Tindal merupakan antara kaum yang terbesar terutamanya di Daerah Kota Belud. Dusun Tindal juga merupakan kaum yang masih mengamalkan adat turun temurun terutamanya adat istiadat khasnya di Kampung Tempasuk 1. Adat istiadat yang diamalkan oleh suku kaum Dusun Tindal mempunyai perbezaan daripada suku kaum lain dari pelbagai aspek terutamanya yang dapat dilihat dalam amalan adat sogit. Masyarakat Kadazandun mahupun Dusun Tindal juga mempercayai kepada asal usul mereka daripada Nunuk Ragang yang juga bermaksud pokok ara merah dalam Bahasa Melayu.<sup>6</sup>

Amalan adat *sogit* yang diamalkan oleh Masyarakat kaum Kadazandusun di Sabah merupakan amalan tradisional yang unik dan berbeza dengan masyarakat kaum lain. Adat *sogit* merupakan suatu amalan turun temurun dimana perkataan *sogit* bermakna 'sejuk' dalam bahasa Kadazandusun.<sup>7</sup> Oleh itu, amalan adat *sogit* ini diertikan sebagai 'penyejuk' mahupun denda terhadap sesuatu kesalahan yang dilakukan yang melanggar adat dan pantang larang masyarakat kaum Kadazandusun. Amalan adat *sogit* juga dipercayai mampu menghindari daripada malapetaka yang datang disebabkan pelanggaran sesuatu pantang larang. Amalan adat *sogit* diketahui telah diamalkan sejak dahulu lagi oleh masyarakat pagan Anak Negeri Sabah. Hal ini demikian boleh diperlihatkan bahawa sebelum kedatangan British iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881 undang-undang adat telah diamalkan dan terdapat dua undang-undang yang telah wujud pada masa itu iaitu undang-undang adat pagan yang melibatkan sistem sosial mahupun politik. Hal ini demikian boleh dikatakan bahawa masyarakat pada masa zaman dahulu amat mementingkan adat sehingga sanggup mengorbankan nyawa.

---

<sup>5</sup> Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin & Noria ak Tugang, Pembudayaan Reka Bentuk Busana Tradisional Masyarakat Dusun Tindal di Sabah, *Gendang Alam*, Jilid 7, 2017, hlm. 138.

<sup>6</sup> Jacqueline Pugh-Kitingan, *Op. Cit.*, hlm. 9.

<sup>7</sup> Pg Musa, P. I., Ismail, S. Z., & Abdul Rahman, N, Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil 19, 2018, hlm. 5.

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengetahui perubahan terhadap amalan adat *sogit* masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud, Sabah yang difokuskan di kawasan kampung Tempasuk 1, Kota Belud yang jelas mempunyai perubahan pengamalan daripada pelbagai aspek seperti upacara yang dijalankan, bentuk denda adat *sogit* dan pelaksanaan amalan adat *sogit* yang banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat. Perubahan pelaksanaan amalan adat *sogit* amat ketara iaitu daripada segi amalan pada masa kini dan masa dahulu iaitu terdapat elemen yang membawa kepada perubahan tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk menganalisis sebab mahupun elemen yang membawa kepada perubahan amalan adat *sogit* yang memainkan peranan penting dalam budaya sesebuah masyarakat dan memperlihatkan aspek perubahan sosial masyarakat dahulu dan masyarakat pada masa kini.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini juga akan memperlihatkan peranan adat *sogit* dalam sesebuah masyarakat dan keperluan adat tersebut diamalkan pada masa kini kerana jelas memperlihatkan bahawa pada masa kini sudah terdapat undang-undang yang mampu menggantikan amalan adat *sogit*. Kajian ini juga akan menceritakan serba sedikit mengenai sejarah dan latar belakang amalan adat *sogit* yang dikatakan bahawa adat *sogit* telah lama diamalkan dan telah menjadi undang-undang adat masyarakat pagan di negeri sabah. Oleh itu, kajian ini akan menerangkan lebih lanjut berkaitan kewujudan adat istiadat masyarakat Kadazandusun di Sabah dan kedudukan adat *sogit* dalam penerimaan oleh masyarakat mahupun dalam undang-undang pada masa kini akan melihat kepada kerelevanan amalan adat *sogit* ini.

Kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan di kawasan Kota Belud Sabah iaitu dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal di kawasan kampung Tempasuk 1 dan akan menganalisis jenis-jenis amalan adat *sogit* iaitu berkaitan pelanggaran amalan pantang larang yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Setiap jenis amalan adat *sogit* mempunyai cara pelaksanaan yang berbeza iaitu daripada segi jumlah denda, cara pemberian mahupun upacara yang dijalankan. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui jenis-jenis adat *sogit* yang masih diamalkan dalam konteks masyarakat Dusun Tindal di kampung Tempasuk 1, Kota Belud dan

dengan ini akan dapat memperlihatkan perbandingan amalan adat yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud dengan masyarakat Kadazandusun dalam sub-etnik yang lain dan juga mampu memperlihatkan kerelevanan sesuatu amalan adat *sogit* tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan cuba mendalami berkaitan unsur mahupun elemen yang mempengaruhi perubahan serta perbandingan pelaksanaan amalan adat *sogit* dahulu dan kini dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud Sabah. Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan perubahan pelaksanaan amalan adat *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal khususnya di Kota Belud, dan masyarakat Dusun Tindal di kampung Tempasuk 1 dari tahun 1881 hingga 2020.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Isu kepada kajian ini iaitu ilmu pengetahuan yang kurang dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Masyarakat pada masa kini terutamanya masyarakat Dusun Tindal, Kota Belud telah banyak terdedah dengan pengetahuan tentang amalan adat *sogit* namun masyarakat kini terutamanya golongan remaja dilihat tidak berminat untuk mengenali dan mengambil peduli mengenai adat yang diamalkan. Oleh itu, walaupun zaman telah berubah namun masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud masih mengamalkan adat *sogit* dan daripada kajian ini pengkaji ingin mendalami tentang amalan adat *sogit* iaitu sejarah latar belakang amalan adat *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal, Kota Belud Sabah yang mana adat *sogit* masih relevan untuk dilaksanakan sehingga kini.

Selain itu, isu yang membawa kepada kajian ini iaitu perubahan pandangan mahupun pendapat masyarakat Dusun Tindal, Kota Belud Sabah terhadap adat *sogit* yang disebabkan oleh peredaran masa dan kesesuaian sesuatu amalan yang masih relevan untuk diikuti mahupun tidak sesuai lagi diamalkan. Hal ini demikian terdapat perkara-perkara yang harus diteliti untuk memastikan adat *sogit* yang diamalkan ini mengikut kepada undang-undang mahupun gaya hidup masyarakat kini. Keadaan ini kerana terdapat amalan adat *sogit* yang tidak relevan mahupun tidak sesuai diamalkan kerana kehidupan masyarakat yang kian berubah dan juga

memperlihatkan pandangan mahupun pendapat masyarakat itu sendiri. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan jenis-jenis adat *sogit* yang masih diamalkan dan masih relevan kepada masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud khususnya di bagi masyarakat Dusun Tindal di kampung Tempasuk 1.

Akhir sekali, permasalahan kajian yang dihadapi yang membawa kepada kajian iaitu corak kehidupan masyarakat Dusun Tindal, Kota Belud yang semakin berubah iaitu peredaran zaman membawa kepada pembaharuan dan banyak perubahan yang telah berlaku di sekeliling. Hal ini boleh dikatakan disebabkan pergaulan sosial masyarakat yang semakin terbuka dan penerimaan kemasukan pengaruh agama dan kepercayaan. Perubahan corak hidup sesebuah masyarakat telah mempengaruhi gaya hidup seseorang yang mana amalan kehidupan juga telah banyak berubah dari segi kepercayaan dan agama. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji lebih mendalam berkaitan perubahan yang telah berlaku dalam pelaksanaan amalan adat *sogit* di era transformasi ini yang memperlihatkan banyak sekali perubahan-perubahan yang akan difokuskan dalam masyarakat Dusun Tindal di kampung Tempasuk 1, Kota Belud.

### **1.3 Objektif Kajian**

- i. Menjelaskan sejarah dan latar belakang amalan adat *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud, Sabah.
- ii. Mengenalpasti jenis-jenis amalan adat *sogit* dalam konteks masyarakat Dusun Tindal di Kampung Tempasuk 1, Kota Belud, Sabah (1881-2020).
- iii. Menganalisis perubahan pelaksanaan amalan adat *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal di Kampung Tempasuk 1, Kota Belud, Sabah (1881-2020).

#### 1.4 Sorotan Literatur Kajian

Bahagian ini tertumpu kepada sintesis kajian lepas bertujuan untuk memberi asas kepada kajian yang akan dijalankan dan sorotan kajian ini juga berkaitan dengan topik dan fokus kepada persoalan kajian berkaitan dengan perubahan pelaksanaan amalan adat *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud, Sabah. Sorotan literatur ini akan terbahagi kepada tiga tema utama dalam penghasilan kajian latihan ilmiah iaitu sejarah dan latar belakang adat *sogit*, jenis-jenis amalan adat *sogit* dan juga perubahan amalan adat *sogit*.

Sebuah kajian yang dijalankan oleh Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman (2018), kajian lepas ini menerangkan tentang Adat *sogit* yang dikatakan satu bentuk pampasan yang diperuntukan dalam kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri Sabah) 1995 yang diguna pakai jika berlaku pelanggaran adat dan menafsirkan *sogit* sebagai penalti adat yang berdarah (customary haematic penalty). 'Kapanasan kampung' merupakan antara *sogit* yang diamalkan iaitu dikatakan adat *sogit* merupakan amalan dan kepercayaan masyarakat pagan anak negeri Sabah.<sup>8</sup> Amalan *sogit* ini diamalkan untuk mengelakkan semangat yang menjaga mereka murka kerana pelanggaran adat yang dilakukan di kampung mereka. Dalam amalan adat *sogit* juga sekiranya *sogit* tersebut tidak diberikan, ditakuti 'Ragon' atau roh jahat akan mengganggu serta membawa kerosakan kepada ternakan, tanaman dan kesihatan penduduk kampung tersebut.<sup>9</sup> Oleh itu, dalam kajian ini jelas memperlihatkan adat *sogit* merupakan amalan yang mempunyai kepercayaan dan sejarah tersendiri yang mempengaruhi masyarakat untuk mengamalkan adat ini.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Mastinah Buntunga dan Mohd Anuar Ramli (2019), kajian lepas ini menerangkan maksud *sogit* merupakan sesuatu ganti rugi atau pampasan yang harus dibayar sebagai 'penyejuk' untuk menghindari sebarang bencana dengan cara mengorbankan binatang. Setiap perkara

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 1.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

yang melanggar pantang larang ini akan dikenakan *sogit*. jumlah bayaran denda adat iaitu *sogit* yang dikenakan terdiri daripada pelbagai bentuk bergantung kepada tahap dan jenis-jenis kesalahan.<sup>10</sup> *Sogit* ini juga dikenakan untuk mengelakkan terjadinya bala atau malapetaka ke atas pelakunya selain menjadi pengajaran. Dalam kajian yang dijalankan juga mendapati adat semakin berubah dan berkembang dalam masyarakat dan kewujudan adat adalah sebagai peraturan bagi menjaga keharmonian hidup bermasyarakat.

*MyMetro* (2019, 17 Mac) yang bertajuk 'Sogit pibabasan' selesai perselisihan faham. Dalam akhbar ini mengatakan bahawa *sogit* merupakan denda yang dikaitkan dengan adat istiadat etnik di Sabah khususnya suku kaum Dusun yang mana amalan adat *sogit* ini telah diamalkan sejak dahulu lagi untuk mengekang pelanggaran adat dan mendisiplinkan masyarakat.<sup>11</sup> Dimana dalam akhbar ini menerangkan salah satu adat *sogit* iaitu *sogit pimbabasan* iaitu *sogit* perdamaian telah dikenakan kepada seseorang kerana kesalahan mengeluarkan kenyataan kesat. Kesalahan ini boleh dikenakan denda sebanyak RM800, dan seekor kambing dan denda ini akan semakin berat jika tidak diselesaikan dalam Mahkamah Anak Negeri.<sup>12</sup> Kes ini memberi pengajaran kepada semua pihak agar tidak melakukan perkara yang tidak baik.

Dalam sorotan literatur daripada akbar Astro AWANI Network Sdn. Bhd (2020, 21 Julai) yang mana dalam akbar ini memperlihatkan warga asing iaitu Amir Khan dihukum *sogit* lapan ekor kerbau, lapan buah gong di Sabah.<sup>13</sup> Akbar ini melihat bahawa adat *sogit* bukan sahaja dikenakan dalam kalangan masyarakat

---

<sup>10</sup> Mastinah Buntunga dan Mohd Anuar Ramli, Analisis Gender dalam Amalan Sogit Masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan, Sabah, *Online Journal of Research in Islamic Studies*, Bil 6(3), 2019, hlm. 44.

<sup>11</sup> *MyMetro*, 'Sogit pibabasan' selesai perselisihan faham, 17 Mac, 2019, dipetik daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/434738/sogit-pibabasan-selesai-perselisihan-faham> pada 20 Oktober 2021.

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Astro AWANI Network Sdn. Bhd*, Amir Khan dihukum Sogit lapan ekor kerbau, lapan buah gong di Sabah, 21 Julai, 2020, dipetik daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/amir-khan-dihukum-sogit-lapan-ekor-kerbau-lapan-buah-gong-di-sabah-252219> pada 20 Oktober 2021.

Kadazandusun itu sendiri tetapi juga dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan yang melibatkan masyarakat Kadazandusun. Dimana dalam akhbar ini menerangkan bahawa seorang warga Pakistan telah dikenakan *sogit* ataupun hukum oleh Mahkamah Anak Negeri di Sabah iaitu lapan ekor kerbau dan lapan buah gong kerana kesalahan menghina dan secara sengaja menjatuhkan maruah kaum Kadazandusun Kimaragang. Bayaran mahupun denda Adat *sogit* ini juga akan bertukar kepada hukuman berat iaitu hukuman denda sebanyak RM4,000 atau 16 bulan penjara atau kedua-duanya jika gagal membayar *sogit*.

Utusan Borneo Sabah (2016,18 Julai) bertajuk *sogit* boleh mendisiplinkan masyarakat. Dalam akhbar ini menjelaskan tentang amalan adat *sogit* yang disampaikan oleh Ketua Daerah Nabawan OKK Sayau Tangkap. Beliau berkata adat *sogit* merupakan tindakan yang dikenakan kepada mana-mana individu yang melakukan kesalahan seperti melanggar adat istiadat yang berkaitan. Pantang larang seperti dalam melakukan aktiviti pemburuan ia tertakluk kepada adat istiadat yang harus diikuti. Adat *sogit* yang dikenakan adalah dalam bentuk ternakan yang dikira berdasarkan saiz ternakan itu seperti jika *sogit* yang dikenakan adalah seekor kerbau ia diukur dengan panjang tanduknya dan begitu juga dengan ternakan lain yang mempunyai garis panduan ukuran yang telah ditetapkan. Sesuatu *sogit* itu akan semakin besar jumlahnya jika melakukan pelanggaran adat yang besar seperti perbuatan sumbang yang berkaitan dengan perilaku zina, terutamanya mereka yang mempunyai pertalian keluarga terdekat, *sogit* yang dikenakan adalah ternakan tiga ekor kerbau bagi seorang.<sup>14</sup>Oleh itu, dalam kajian ini memperlihatkan terdapat pelbagai jenis adat *sogit* dan denda adat *sogit* yang dikenakan juga berlainan mengikut kepada kesalahan yang dilakukan.

Terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Tuan Haji Mohd. Razalee bin Goroh (1982), berkaitan dengan adat istiadat kaum Dusun/Kadazan Kota Belud. Kajian lepas ini memperlihatkan undang-undang adat istiadat masyarakat Dusun mahupun Kadazan dan dalam kajian ini penulis telah menumpukan kepada kajian di kawasan

---

<sup>14</sup> *Utusan Borneo Sabah*, *Sogit Boleh Mendisiplinkan Masyarakat*, 18 Julai, 2016, dipetik daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20160718/textview> pada 20 Oktober 2021 pada 20 Oktober 2021.

Kota Belud iaitu merangkumi adat istiadat yang digunakan oleh Mahkamah Anak Negeri di Kota Belud. Dalam kajian ini mengatakan bahawa hukum adat merupakan rukun hidup yang mana dalam masyarakat Dusun atau Kadazan setiap perbuatan dikatakan dikawal oleh undang-undang adat dan setiap pelanggaran kepada norma hukum dalam masyarakat akan dikenakan hukuman yang setimpal.<sup>15</sup> Dalam kajian lepas ini juga penulis juga menerangkan berkaitan dengan adat *sogit* dan penyusunan terhadap adat-adat yang masih digunakan oleh masyarakat. Terdapat pelbagai jenis adat *sogit* yang diterangkan dalam kajian lepas ini seperti perbuatan salah serta denda adat *sogit*. Contoh kesalahan yang dibincangkan dalam kajian lepas ini iaitu kesalahan yang melibatkan penceraian yang mana suami menceraikan isteri, isteri minta cerai tanpa sebab, adat bermadu dan pelbagai lagi pantang larang. Dalam kajian lepas ini dikatakan terdapat beberapa bentuk peringkat amalan yang masih diamalkan di daerah Kota Belud iaitu terbahagi kepada kesalahan terhadap manusia, perkahwinan, hilang darah, perkahwinan dengan saudara yang mempunyai talian darah, poligami, penceraian, serangan, menghina orang, menyumpah dan lain-lain.<sup>16</sup>

Selain itu dalam Utusan Borneo Online (2020, 20 Ogos) yang bertajuk 'Sogit tanah' ritual paya untuk dipulihara. Akhbar ini menerangkan berkaitan betapa pentingnya untuk mengekalkan adat dan budaya yang begitu unik dan luar biasa. Dalam akhbar ini menunjukkan salah satu adat dan budaya Komuniti Kadazandusun di daerah kecil Membakut iaitu Adat Ritual Paya atau juga dikenali 'Sogit Tanah' merupakan satu daripada segmen acara tahunan Adat Istiadat 'Mamanta' yang masih dipraktikkan sehingga hari ini.<sup>17</sup> Adat dan budaya ini merupakan lambang identiti suatu bangsa dan merupakan tradisi turun temurun yang harus dikekalkan untuk generasi akan datang kerana tanpa adanya adat budaya yang pupus ditelan zaman sebuah tradisi hanya akan menjadi sejarah dan sebuah nostalgia. Sebuah kajian

---

<sup>15</sup> Tuan Haji Mohd. Razalee bin Goroh, *Op.cit.*, hlm. 19.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm.16.

<sup>17</sup> *Utusan Borneo Online*, 'Sogit tanah' Ritual Paya Untuk Dipulihara, 20 Ogos, 2020, dipetik daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2020/08/20/sogit-tanah-ritual-paya-untuk-dipulihara> pada 20 Oktober 2021.